

# Jangan keliru rakyat

14  
M 23 MAR 2001

KUALA LUMPUR, Khamis – Majlis Raja Raja memutuskan mana mana pertubuhan tidak dihalang daripada menggunakan nama Islam dengan syarat mereka tidak mengelirukan masyarakat atau melakukan penyelewengan

Mesyuarat ke-188 Majlis Raja Raja selama dua hari di sini yang berakhir hari ini juga mengambil pendirian mana mana pihak tidak berhak menentukan kelslaman seseorang orang yang sudah diiktiraf sebagai Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam

Selain itu Majlis Raja Raja memutuskan ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah dan dengan itu, dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang Islam layak ke syurga atau neraka adalah salah menurut ajaran Islam

Mesyuarat itu berpendapat perbuatan orang atau pertubuhan menggunakan perkataan Islam untuk mengelirukan masyarakat adalah salah dan bercanggah dengan prinsip syariat Islam serta boleh dikenakan tindakan undang-undang

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja Raja dalam satu kenyataan kepada Bernama hari ini berkata pendirian Raja Raja dibuat berdasarkan fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam

Mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin dihadiri semua Raja dan Yang di Pertuan Negeri kecuali Kedah yang diwakili Raja Muda Kedah Pahang diwakili Tengku Muda Pahang dan Johor oleh Tunku Mahkota Johor Selangor diwakili oleh Pemangku

Raja Selangor

Yang di Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengahiri mesyuarat itu hari ini diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Berikut ialah kenyataan Pejabat Pemegang Mohor Besar Raja Raja

Mengenai masalah perpecahan orang Melayu/Islam mesyuarat Majlis Raja Raja bersetuju menerima fatwa yang diputuskan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam seperti berikut

- Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana mana pertubuhan malahan digalakkan tetapi hendaklah berdisiplinkan ilmu

iman dan ehsan Walau bagaimanapun mana mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip prinsip syariat Islam dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada

● Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana mana pihak menambah apa apa syarat lain bagi menentukan kelslaman seseorang Fahaman bahawa perlu ada tambahan syarat syarat lain selain daripada menepati rukun Iman dan rukun Islam seperti pengakuan atau sokongan kepada pihak tertentu sebelum seseorang itu ditentukan kelslamannya adalah salah di sisi Islam Oleh itu sesiapa yang mengamal mengajar menyeru atau menyebarkan dengan apa apa cara jua

**Pas gembira perkataan Islam dibenar – Muka 4**

**Umno hormati keputusan Majlis Raja-Raja – Muka 5**

# Majlis sahkan pelantikan hakim

## DARI MUKA 1

pun akan fahaman tersebut adalah melakukan perbuatan yang termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng dan

● Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah SWT. Dari itu dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebe-

lum seseorang orang Islam layak ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam.

Oleh itu sesiapa yang mengamal mengajar menyuruh atau menyebarkan apa apa cara jua pun akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah.

Menurut kenyataan itu mesyuarat berkenaan turut membincangkan perkara berkaitan keselamatan negara agama dan pelantikan.

Antara keputusan yang dibuat ialah pelantikan Hakim hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Karam Chand Vohrah, Datuk Wira Mohd Noor Ahmad dan Datuk Alauddin Mohd Sheriff

sebagai Hakim hakim Mahkamah Rayuan mulai tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Majlis Raja Raja turut mengesahkan persetujuan pelantikan Datuk Siti Norma Yaakob, Datuk Haidar Mohamed Noor dan Tan Sri Mohtar Abdullah sebagai Hakim hakim Mahkamah Persekutuan baru ini.